

15 DEC 1999

Koh-MCA

PERMOHONAN MCA BAGI TIMBALAN KETUA MENTERI KEDUA DITOLAK

PULAU PINANG, 15 Dis (Bernama) -- Permohonan MCA untuk jawatan tambahan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang ditolak oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN), kata Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Beliau turut mengumumkan bahawa Pengerusi MCA Negeri Datuk Dr Sak Cheng Lum meminta supaya tidak dilantik sebagai anggota exco kerajaan negeri.

Jawatan Timbalan Ketua Menteri diisi oleh Anggota Dewan Undangan Negeri Teluk Bahang, Datuk Dr Hilmi Yahaya yang menggantikan Datuk Mohd Shariff Omar yang telah dilantik Timbalan Menteri Pertanian.

Koh memberitahu satu sidang berita bahawa keputusan menolak tuntutan MCA itu dibuat selepas perbincangan diadakan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Barisan Nasional dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

MCA sebelum ini telah mengemukakan permohonan kepada pemimpin tertinggi BN supaya memperuntukkan jawatan tambahan itu berdasarkan kejayaan parti itu memenangi kesemua sembilan kerusi Dewan Undangan Negeri yang ditandinginya pada pilihan raya umum 29 Nov lepas.

Kedudukan Exco bagi MCA juga kekal kepada dua sahaja manakala Umno dan Gerakan empat (termasuk Ketua Menteri) dan MIC satu.

"Semua pihak telah menyerahkan kepada pucuk pimpinan tertinggi BN untuk membuat keputusan, dan keputusan itu telah dibuat. Tiada alasan lagi bagi semua pihak untuk tidak menerima keputusan berkenaan," kata Koh.

Beliau juga berkata, ketiadaan Sak dalam senarai Exco itu adalah atas permintaan beliau sendiri dan keputusan itu dibuat hasil perbincangannya (Sak) dengan MCA.

Koh, yang juga Pengerusi BN Negeri berkata, beliau sendiri telah berbincang dengan Sak berhubung perkara itu.

Ketika ditanya sama ada keputusan Sak itu sebagai tanda bantahan terhadap penolakan permohonan MCA bagi jawatan berkenaan, Koh berkata: "Ini kita serahkan kepada beliau sendiri sekiranya beliau ingin menjawab bagi pihak MCA."

Beliau berkata hanya nama Datuk Koay Kar Huah dan Dr Loh Hock Hun sahaja yang diserahkan oleh MCA kepada Perdana Menteri untuk menganggotai Exco.

Koay yang sebelum ini memegang portfolio Belia dan Sukan dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemudahan Awam dan Pengangkutan, manakala Loh menerajui Jawatankuasa Perdagangan, Perniagaan dan Hal Ehwal Pengguna bagi menggantikan Sak.

Ketika ditanya apakah alasan yang menyebabkan Sak mengundur diri, Koh berkata: "Saya tidak mahu komen. Saya rasa saya sudah jawab soalan itu. Tetapi hubungan saya dengan beliau secara peribadi amat baik."

Beliau bagaimanapun berkata, hubungan antara MCA dan Gerakan akan mengambil "sedikit masa" untuk dipulihkan semula berikutan isu itu.

"Saya percaya hubungan akan pulih kerana kedua-duanya adalah parti yang matang dan akur dengan semangat BN. Saya sifatkan perselisihan ini adalah seperti perbezaan pendapat dalam sebuah keluarga," katanya.

Katanya, hubungan Gerakan-MCA adalah baik sejak sembilan tahun lepas dan tiada sebarang masalah yang timbul antara kedua-duanya.

-- BERNAMA

SA NER MAI